



## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN NGA KOR MING  
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA**

**SAMBUTAN HARI KEBAHAGIAAN SEDUNIA PERINGKAT  
KEBANGSAAN TAHUN 2026**

**“BIJAK DIGITAL, CIPTA BAHAGIA BERSAMA”**

**7 APRIL 2026 (SELASA)  
Dewan Kristal KPKT**

**PLANMalaysia**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

(Disediakan berasingan)

**SALAM SEJAHTERA, SALAM PERPADUAN, SALAM MALAYSIA MADANI.**

## **PENDAHULUAN**

**YANG SAYA HORMATI, YBHG. DATO'-DATO', DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada PLANMalaysia** atas penganjuran Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2026.
2. Majlis ini merupakan **simbol komitmen berterusan Kerajaan** dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan negara.
3. Hari ini, kita **tidak lagi mengukur kejayaan pembangunan semata-mata melalui angka ekonomi atau kemajuan fizikal**. Sebaliknya, kita mengukur kejayaan melalui kualiti hidup rakyat iaitu melalui **kesejahteraan, ketenangan jiwa dan kebahagiaan yang dirasakan oleh setiap lapisan masyarakat**.

## **HARI KEBAHAGIAAN SEDUNIA: MENGUKUR KEBAHAGIAAN RAKYAT**

### **HADIRIN YANG SAYA KASIHI SEKALIAN,**

4. Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia ini berakar daripada resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2012 yang mengiktiraf kebahagiaan sebagai elemen penting dalam pembangunan global.
5. Ini membawa satu mesej yang jelas iaitu bahawa **pembangunan sebenar bukan hanya tentang kemajuan material, tetapi tentang kesejahteraan manusia secara menyeluruh.**
6. Di Malaysia, komitmen ini diterjemahkan melalui **pengukuran Indeks Kebahagiaan Malaysia, MURNInets** yang menjadi asas kepada penilaian kesejahteraan rakyat di peringkat bandar.
7. Dan pada hari ini, dengan penuh rasa bangga, kita akan sekali lagi **mengiktiraf pencapaian bandar-bandar** yang berjaya mewujudkan persekitaran kehidupan yang sejahtera melalui penganugerahan **Bandar Paling Bahagia.**

## CABARAN DIGITAL: MEMBINA KEBAHAGIAAN DI RUANG MAYA

8. Tema global tahun ini, ***“Social Media and Happiness”***, memberi peringatan kepada kita tentang peranan besar teknologi dalam kehidupan moden dimana media sosial kini menjadi sebahagian daripada kehidupan harian kita. Ia **menghubungkan manusia tanpa sempadan, menyebarkan maklumat dan membentuk persepsi masyarakat.**
9. Namun, dalam masa yang sama, **penggunaan yang tidak terkawal boleh memberi kesan negatif** seperti tekanan emosi, perbandingan sosial yang tidak sihat dan gangguan kepada kesejahteraan mental.
10. Justeru, tahun ini kita memilih **tema: “Bijak Digital, Cipta Bahagia Bersama”**. Bijak Digital bukan sekadar celik teknologi, tetapi merangkumi **kebijaksanaan dalam berkomunikasi, beretika dan bertanggungjawab di ruang maya.**

11. Manakala “Cipta Bahagia Bersama” menekankan bahawa kebahagiaan bukan sesuatu yang berlaku secara individu, tetapi perlu dibina secara kolektif dalam masyarakat. Teknologi yang ada harus menjadi alat yang menyatukan, bukan memisahkan dan inilah semangat **Malaysia MADANI** yang kita mahukan iaitu Kemajuan yang seimbang antara pembangunan fizikal dan kesejahteraan jiwa.

## **PERANAN PBT: BUKAN SEKADAR INFRASTRUKTUR, TETAPI KEPERCAYAAN**

### **SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN,**

12. Peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam era ini telah berubah secara radikal. PBT bukan lagi hanya menguruskan pembersihan dan penyelenggaraan bangunan, tetapi menguruskan komunikasi dan, yang paling penting, **KEPERCAYAAN RAKYAT.**

13. Aduan dan persepsi terhadap bandar hari ini terbentuk sepantas kilat di ruang maya. Justeru, PBT mesti menjadi peneraju kepada *smart governance*, menjadikan saluran digital sebagai jambatan penyatuan komuniti. Kerana pada akhirnya, bandar yang bahagia adalah bandar yang diyakini dan dipercayai rakyatnya.

## KEDUDUKAN KEBAHAGIAAN MALAYSIA 2026

14. Berdasarkan laporan Ipsos Happiness Report 2026 yang dikeluarkan pada 19 Mac yang lalu, secara purata **74 peratus** responden di seluruh dunia menyatakan bahawa mereka berasa bahagia.
  
15. Di Malaysia, tahap kebahagiaan yang dilaporkan adalah lebih tinggi daripada purata global, iaitu sebanyak **81%** , **meningkat sebanyak 5** peratus berbanding tahun sebelumnya. Pencapaian ini mencerminkan asas kesejahteraan masyarakat yang kukuh dan memberangsangkan. **Tahniah dan syabas kepada seluruh rakyat Malaysia atas pencapaian ini.**
  
16. Dalam masa yang sama, **Laporan World Happiness Report 2026** turut memberikan perspektif yang lebih mendalam melalui pengukuran ***life evaluation***, iaitu penilaian individu terhadap kualiti kehidupan mereka secara keseluruhan. Berdasarkan skala 0 hingga 10, **Malaysia mencatat skor 6.005 bagi tempoh 2023 hingga 2025**, meningkat daripada sekitar 5.96 dalam laporan sebelum ini. Skor ini mencerminkan tahap kebahagiaan rakyat yang kekal stabil dan menunjukkan peningkatan dalam persekitaran global yang semakin mencabar.

17. Laporan ini juga menunjukkan bahawa tahap kebahagiaan masyarakat dipengaruhi oleh beberapa faktor utama seperti sokongan sosial, kebebasan membuat pilihan hidup, tahap kesihatan serta kepercayaan terhadap institusi dan persekitaran sekeliling. Justeru, pendekatan kita dalam membina bandar yang membahagiakan rakyat perlu terus diperkasa dan diperkukuh.

## **FOKUS STRATEGIK KERAJAAN: MENGUKIR MASA DEPAN YANG BAHAGIA**

### **HADIRIN YANG SAYA KASIHI SEKALIAN**

18. Bagi **memperkukuh analisis kebahagiaan di peringkat nasional** pada tahun ini, buat pertama kalinya **pengukuran Tahap Kebahagiaan Bandar di Malaysia diintegrasikan dengan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (Malaysia Happiness Index - MHI)** yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

19. Pendekatan ini digunakan bagi memastikan penilaian kebahagiaan bandar adalah lebih komprehensif dan seimbang, di mana **pengukuran oleh DOSM mewakili gambaran kesejahteraan rakyat secara menyeluruh di peringkat nasional, negeri dan daerah**; manakala **pengukuran MURNInets melengkapkan analisis dengan mengambil kira pengalaman sebenar penduduk terhadap kualiti persekitaran dan perkhidmatan bandar. Penggunaan pemberat 80 : 20 peratus** digunakan bagi tujuan memastikan bahawa penilaian kebahagiaan tidak hanya bergantung kepada persepsi persekitaran bandar semata-mata, tetapi turut disokong oleh data kesejahteraan rakyat yang lebih luas dan berstruktur, sekaligus menghasilkan indeks kebahagiaan bandar yang lebih kukuh, konsisten dan boleh dijadikan rujukan dasar di peringkat nasional.
20. Bagi meneruskan momentum ini, KPKT pada tahun 2026 akan memberi tumpuan kepada beberapa keutamaan dalam memperkukuh pembangunan bandar mampan, antaranya:
- i. Memperkasa agenda **Bandar Pintar dan Tadbir Urus Digital**;
  - ii. Melonjakkan **Kualiti Infrastruktur Awam** termasuk pelaksanaan 400 projek di Kampung Baru dan 51 projek Taman Rekreasi MADANI;

- iii. Mempergiat pengurusan sisa dan **Ekonomi Kitaran** melalui penyediaan 25 pusat pengitaran semula sisa pepejal pintar; dan
- iv. Memperkukuh **Keselamatan dan Daya Tahan Bandar** melalui pangkalan data banjir komprehensif dan pemerkasaan JBPM.

21. Semua ini, saya tegaskan, adalah **PELABURAN STRATEGIK** untuk memastikan bandar kita terus selamat, mampan, dan membahagiakan.

## **PENUTUP: TEKAD KITA BERSAMA**

22. Hari ini, marilah kita memperkukuh tekad. **Gunakanlah ruang digital dengan bijak, untuk menyebarkan kebaikan, mengukuhkan perpaduan, dan membina Malaysia yang lebih harmoni dan bahagia.**

23. Saya ingin **tegaskan bahawa KEBAHAGIAAN tidak berlaku secara kebetulan.** Ia dibina melalui dasar yang inklusif, bandar yang berdaya tahan dan masyarakat yang saling menghormati.

**Selamat Menyambut Hari Kebahagiaan Sedunia 2026  
kepada seluruh rakyat Malaysia!**

**Saya dengan ini merasmikan SAMBUTAN HARI  
KEBAHAGIAAN SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN  
TAHUN 2026.**

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)

16 MAC 2026